

01/10/2001

Gerakan perjelas negara Islam kepada kaum Cina

KUALA LUMPUR, Ahad - Parti Gerakan akan meminta pemimpin pada peringkat cawangan dan bahagian membuat penerangan secara besar-besaran kepada generasi muda mengenai konsep negara Islam.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata penerangan berkenaan diharap dapat memberi gambaran sebenar mengenai konsep negara Islam dan menghapuskan keraguan bangsa lain terutamanya Cina berhubung perkara itu.

"Sekarang kebanyakan orang Cina keliru dengan konsep negara Islam. Oleh itu dengan adanya penerangan berkenaan ia mampu menghilangkan perasaan bimbang mereka, terutama di kalangan generasi muda," katanya.

Beliau berkata, bangsa lain di negara ini masih lagi salah faham dan keliru dengan konsep sebenar negara Islam terutama selepas parti pembangkang (Pas) melaung-laungkan untuk mewujudkan negara Islam.

Berikutan itu, katanya, ramai di kalangan masyarakat Cina yang takut dan bimbang dengan perkara berkenaan khususnya selepas parti Pas melaung-laungkan untuk mewujudkan negara Islam serta melaksanakan hukum hudud.

Katanya, persidangan perwakilan Parti Gerakan ke-30 yang baru berakhir turut digunakan sebagai medan untuk menerangkan secara terbuka berhubung konsep negara Islam.

"Sekarang saya rasa gembira apabila ramai perwakilan sudah memahami konsep negara Islam yang sebenarnya. Ini akan memudahkan tugas kita untuk membuat penerangan di peringkat bawahan terutama generasi muda," katanya kepada pemberita selepas Persidangan Perwakilan Gerakan berakhir, di sini hari ini.

Hadir sama Timbalan Presidennya, Datuk Kerk Choo Ting dan Naib Presidennya, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Dr Lim berkata, Pas juga sering menimbulkan pelbagai kekeliruan sejak ingin menubuhkan negara Islam sehingga menimbulkan ketakutan di kalangan kaum lain di negara ini.

Malah, ada pegawai (Islam) tidak mahu meluluskan peruntukan yang dipohon oleh orang bukan Islam untuk membina kuil atau gereja kerana bimbang tidak masuk syurga.

Sementara itu, persidangan dua hari itu meluluskan tujuh usul dengan memberi penekanan serta melahirkan sokongan padu kepada konsep bangsa Malaysia.

Usul-usul berkenaan adalah:

- * perwakilan sebulat suara menyokong penuh Barisan Nasional (BN) dan kerajaan untuk mewujudkan rakyat Malaysia yang bersatu-padu serta mencapai satu Bangsa Malaysia.

- * menyokong sepenuhnya cita-cita Malaysia untuk membangunkan satu sistem ekonomi berdasarkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang mampu meningkatkan tenaga kerja mahir.

- * mengakui kepentingan pendidikan sebagai alat untuk meningkatkan mobiliti sosial.

Gerakan berjanji memberi sokongan padu terhadap Dasar Wawasan Negara (2001-2010) dan Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).

- * Gerakan meminta kerajaan meningkatkan langkah mengatasi kemiskinan bandar dan mencari punca masalah itu selepas menyedari jurang pendapatan yang semakin meningkat di pusat bandar.

- * Gerakan mengakui perlunya kestabilan politik dalam jangka masa panjang dan ini boleh dicapai dengan menolak sekeras-kerasnya sebarang bentuk kekerasan, pengganas, fahaman ekstremis dan militan oleh rakyat.

* Gerakan turut menyokong cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mendesak Bangsa-bangsa Bersatu mengadakan persidangan antarabangsa mengenai pengganas bagi mengenal pasti puncanya dan mencari jalan penyelesaian.

(END)